

## ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk menghasilkan sebuah modul pembelajaran sendiri (MPK) bagi membantu guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan hukum tajwid Nun Sakinah(Nun mati) dan Tanwin dan Mim Sakinah( Mim mati) kerana dalam pengajaran sekarang tidak terdapat satu kaedah yang khusus digunakan untuk mengajar hukum tajwid tersebut. Prosedur kajian ini pada keseluruhannya terbahagi kepada tiga tahap: Pertama; mereka bentuk dan menghasilkan modul yang secara umumnya melibatkan lima fasa iaitu: a) fasa analisis, b) fasa pengembangan, c) fasa reka bentuk d) fasa penilaian e) fasa pelaksanaan. Penghasilan modul ini menggunakan Model Dick dan Carey. Kedua; Menjalankan kajian rintis penilaian formatif terhadap modul yang dihasilkan untuk mengetahui keberkesanan dan kesesuaiannya. Seramai 20 orang pelajar menjadi sampel kajian ini dan mereka merupakan pelajar yang lemah dalam penguasaan hukum tajwid berdasarkan ujian diagnostik dengan markah 35% dan ke bawah. Ketiga; Maklumat dan data hasil penilaian modul diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual. Hasil kajian mendapati semua pelajar yang terlibat dalam penilaian formatif menunjukkan peningkatan dalam pemahaman dan penguasaan hukum tajwid tersebut. Berdasarkan keputusan pasca ujian penilaian formatif kumpulan kecil Nun Sakinah dan Tanwin menunjukkan min markah pasca ujian lebih tinggi iaitu 59.56% berbanding min pra ujian iaitu 26.68% dengan peningkatan sebanyak 32.87%. Manakala keputusan Mim Sakinah menunjukkan min markah pasca ujian lebih tinggi iaitu 64.50% berbanding min pra ujian iaitu 23.12% dengan

peningkatan 41.37%. Ini membuktikan bahwa MPK yang dihasilkan amat sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran pemulihan tajwid ke atas pelajar-pelajar lemah dalam Pendidikan Islam KBSM.

## ABSTRACT

**The design and formative evaluation of self instructed module for the tajwid rule Nun Sakinah (Nun Mati) and Tanwin and Mim Sakinah (Mim Mati) in Pendidikan Islam KBSM**

The purpose of the research is to produce a self instructed module, which will act as a guidance for both teacher, and learners in the teaching and learning process. This module related to the Arabic Linguistic (tajwid), the rule for Nun Sakinah (Nun Mati) and Tanwin and Mim Sakinah (Mim Mati). This is in due to the fact that there is no specific method used teaching those rules. Generally, the procedure of this research has been divided into 3 categories: First, to design and produce this module involved 5 phases which are a) analysis, b) development, c) design, d) evaluation, e) implementation. This module is based on the Dick and Carey methodology model. Second, in order to find out the effectiveness and suitability of the module a pilot formative assessment study was carried out. There were 20 students in the study and they consist of students with low level proficiency in the Arabic linguistic rule. Based on a diagnostic test that was carried out these are the students with marks 35% and below. Thirdly, the elicitation of data and information was gathered through surveys and interviews. The findings from the pilot study shows that all students involved have improved in their comprehension and proficiency in the tajwid rule. Based on the post test of the pilot study, the students has shown an improvement 32.87% with the mark being 59.56% for the post test and 26.68% for the pre test. While the result for Mim Sakinah shows a high of 64.50% in the post test as compared to

23.12% in the pre test with an improvement of 41.37%. Evidently, this reflects that the self instructed module is suitable to be used as a teaching material and also for remedial classroom.